

| | | | |
|------------|--|-------------|---------------------|
| Headline | Piawaian ISO beri impak kepada trend ekonomi | | |
| MediaTitle | Utusan Sarawak | | |
| Date | 05 Apr 2014 | Color | Black/white |
| Section | TEMPATAN | Circulation | 37,981 |
| Page No | 6 | Readership | 113,943 |
| Language | Malay | ArticleSize | 469 cm ² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,066 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 3,198 |



Piawaian ISO beri impak kepada trend ekonomi

ASILA AMIRAH HOSSEN

KUCHING, Jumaat — Ketua Menteri, Tan Sri Datuk Amar Haji Adenan Haji Satem menerima kunjungan hormat daripada rombongan Universiti Teknologi Mara (UiTM) bagi membincangkan Persidangan Antarabangsa ISO dan Pengurusan Kualiti Keseluruhan (TQM) di pejabatnya, di sini, hari ini.

Rombongan yang disertai

Naib Canselor, Tan Sri Profesor Ir. Dr. Sahol Hamid Abu Bakar, Rektor UiTM Sarawak, Profesor Dato Dr. Jamil Hamali, Ketua Unit Perhubungan dan Komunikasi Korporat, Profesor Madya Dr. Firdaus Abdullah dan Timbalan Pendaftar Kanan, Ahmad Lotfi Haji Ariffin tiba pada jam 11 pagi selepas mengunjungi Yang di-Pertua Negeri, Pehin

Sri Haji Abdul Taib Mahmud di Astana Negeri.

Persidangan yang akan diadakan pada 21 hingga 23 April di Hotel Riverside Majestic itu akan membincangkan bagaimana amalan terbaik dalam portfolio piawaian ISO dan TQM dapat memberi impak kepada trend kualiti dalam ekonomi baharu.

Program kolaborasi

bersama Akademi Kecemerlangan Piawaian Perniagaan Asia Pasifik (APBEST) dijangka mampu menarik lebih 300 peserta dari 30 buah negara di seluruh dunia.

Tan Sri Adenan akan merasmikan persidangan tersebut selain dihadiri oleh Setiausaha Negeri, Tan Sri Datuk Amar Haji Mohd Morshidi Abdul Ghani.



LAWATAN ... Tan Sri Prof. Ir. Dr.Sahol Hamid Abu Bakar menyampaikan cenderamata kepada Ketua Menteri, Tan Sri Datuk Amar Adenan Satem semasa kunjungan UiTM ke pejabat Ketua Menteri di Wisma Bapa Malaysia, di Kuching semalam. • ANDRE OLIVEIRO